

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 APRIL 2014 (SABTU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Masih kritikal	Harian Metro
2	Empangan tidak penuh	Berita Harian
3	Keterangan mencukupi	Harian Metro
4	Mahkamah rayuan putuskan adalah selamat untuk mensabitkan Anwar	Bernamea.com
5	Mahkamah putuskan kenyataan Anwar dari kandang tertuduh penafian samata-mata	Bernamea.com
6	JKJR tekankan kepentingan topi keledar ikut piawaiian sirim	Bernamea.com

Masih kritikal

■ Pembenihan awan di Selangor diteruskan hingga 21 April

Oleh Nur Lela Zulkipri
nurlela@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Peningkatan taburan hujan di Selangor sejak awal bulan ini masih belum mencukupi untuk mengeluarkan negeri itu daripada krisis bekalan air yang bermula sejak awal tahun ini.

Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Azhar Ishak berkata, sehingga kini paras air di empangan Selangor masih dalam keadaan kritikal walaupun sering hujan.

"Peratusan air di empangan sungai tadahan air hujan belum mencapai paras air selamat iaitu 55 peratus.

"Ini kerana kebanyakan kawasan di Selangor menerima jumlah hujan melebihi 100 milimeter (mm), namun di kawasan empangan, terutama Empangan Sungai Selangor menerima hujan kurang dari 100mm," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Katanya lagi, situasi itu menimbulkan kebimbangan kepada JMM dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sama ada paras air di empat empangan di Selangor mampu mencapai 55 peratus atau sebaliknya.

"Peningkatan paras air empangan sebanyak satu peratus memerlukan jumlah hujan sebanyak 20mm, dan untuk mencapai perkadaran 55 peratus, jumlah hujan yang diperlukan adalah lebih 360mm dengan pe-

nurunan hampir konsisten setiap hari.

"Justeru, dalam tempoh tiga minggu lagi, JMM akan terus menjalankan operasi pembenihan awan kering bagi meningkatkan paras air empangan bergantung pada keadaan cuaca serta kondisi pesawat," katanya.

Menurutnya lagi, pembenihan awan di kawasan empangan di Selangor akan diteruskan sehingga 21 April depan dan jika terdapat permintaan, proses itu akan diteruskan sehingga hujung bulan ini.

Sementara itu, Penolong Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Awam Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS),

Priscilla Alfred, berkata catuan air masih diteruskan kerana

hujan di tiga empangan negeri itu berikutan masih gagal mencapai paras normal bagi memastikan bekalan air mencukupi dan mampu menampung permintaan pengguna.

"Jumlah hujan belum cukup meningkatkan paras empangan, jadi catuan air diteruskan sehingga kerajaan Selangor mengeluarkan arahan menghentikannya," katanya, semalam.

Menerusi maklumat empangan dikeluarkan oleh laman web rasmi LUAS, setakat jam 8 pagi semalam, paras air terkini di Empangan Sungai Selangor hanya mencapai 190.80 meter berbanding paras normal, 220 meter.

FAKTA
Jumlah hujan diperlukan untuk mencukupkan empangan ialah lebih 360 mm dengan penurunan konsisten setiap hari

KRISIS BEKALAN AIR



Paras air di Empangan Batu, Ulu Yam kelihatan semakin susut.

[FOTO YAZIT RAZALI/BH]

Empangan tidak penuh

» Peningkatan jumlah hujan hanya bersifat sementara, dijangka terhenti Mei ini

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Siti Nursyazwani Mahalil

bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Peningkatan jumlah hujan sejak awal bulan April hingga kini di Selangor, masih belum mencukupi untuk memastikan negeri itu selamat daripada krisis bekalan air, terutama bagi penduduk di sekitar Lembah Klang.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), tempoh peralihan angin monsun sepanjang April meningkatkan kelembapan dan menggalakan pertumbuhan awan menghasilkan hujan.

Keadaan itu bagaimanapun, dijangka terhenti apabila tiba monsun barat daya yang dijangka pada pertengahan atau akhir Mei ini.

Peningkatan jumlah hujan itu bersifat sementara, hingga menimbulkan kebimbangan sama ada paras air di empat empangan di Selangor mampu mencapai 55 peratus atau sebaliknya.

Pengarah Pusat Cuaca Nasional JMM, Muhammad Helmi Abdullah, berkata kebanyakan kawasan di negeri itu menerima jumlah hujan melebihi 100 milimeter (mm).

Namun, kawasan empangan, terutama Empangan Sungai Selangor menerima hujan kurang daripada 100mm.

Beliau berkata, peningkatan empangan sebanyak satu peratus memerlukan jumlah hujan sebanyak 20mm. Untuk mencapai perkadaran 55 peratus, jumlah hujan yang diperlukan adalah 360mm dengan penurunan hampir konsisten setiap hari.

“Sukar untuk menjangkakan sama ada empangan di Selangor, terutama Empangan Sungai Selangor mampu mencapai paras normal sebelum

tiba bulan Jun yang akan menunjukkan perubahan musim kering yang ketara.

“Dalam tempoh tiga minggu lagi, pihak kami cuba membantu meningkatkan paras air empangan dengan melakukan pembenihan awan kering, bergantung pada keadaan cuaca serta keadaan pesawat,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Kadar hujan rendah berbanding kebiasaan

Katanya, perubahan cuaca ketika ini mengikut musim, dan kadar hujan pada pertengahan Januari hingga Mac, rendah berbanding kebiasaan berikutan sistem cuaca pada ketika itu tidak sesuai untuk pembentukan awan hujan.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Azhar Ishak, ketika dihubungi berkata, pembenihan awan kering sentiasa dijalankan sepanjang April terutama di kawasan empangan, termasuk Empangan Sungai Selangor.

Beliau berkata, kali terakhir proses itu dilakukan adalah

kelmarin di tiga empangan, iaitu Empangan Sungai Selangor, Empangan Sungai Tinggi dan Empangan Klang Gates dan berjaya menghasilkan hujan lebat kira-kira 10 hingga 15 minit.

“Pembenihan awan di kawasan empangan di Selangor diteruskan sehingga 21 April ini. Jika ada permintaan, proses ini akan diteruskan sehingga hujung bulan ini, bergantung pada cuaca.

“Hari ini (semalam) pembenihan awan tidak dapat dilaksanakan kerana kedudukan awan tinggi, namun dijangka akan ada hujan di kawasan empangan,” katanya.

Sementara itu, Penolong Pengurus Besar Jabatan Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Awam Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS), Priscilla Alfred, berkata catuan air masih diteruskan.

Beliau berkata, catuan berterusan disebabkan hujan di tiga empangan berkenaan masih gagal mencapai paras normal bagi memastikan bekalan air mencukupi dan mampu menampung permintaan pengguna.

